

Ruj. Kami : KEMAS 100-1/5/1(15)

Tarikh : 22 Oktober 2025

30 Rabiulakhir 1447H

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENTADBIRAN KETERHUTANGAN INTEGRITI BILANGAN 1 TAHUN 2025:

KAWALAN DALAMAN BERKAITAN PEMOTONGAN GAJI MELEBIHI 60% EMOLUMEN BULANAN KAKITANGAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan, **Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) KEMAS Bilangan 3 Tahun 2025** bertarikh **22 September 2025** telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif bagi langkah mengurangkan masalah keterhutangan kewangan dalam kalangan kakitangan di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

3. Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan dengan merujuk **Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]** dan **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.7: Peraturan Berkaitan Penyelenggaraan Taraf Kehidupan dan Keterhutangan yang serius** berhubung larangan berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

4. Bagi maksud Arahan Pentadbiran ini sebagaimana diperuntukkan di **subperaturan 13(7), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]**, keterhutangan kewangan yang serius ditafsirkan sebagai **“keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang, setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya”**. Justeru, pegawai hendaklah memastikan pendapatan bersih berada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40 peratus daripada pendapatan bulanan. Ini merupakan salah satu kaedah bagi mengelakkan pegawai terlibat dalam keterhutangan kewangan yang serius.

...2/-

Ruj kami: KEMAS 100-1/5/1(15)

5. Mesyuarat telah membincangkan isu pemotongan gaji pegawai yang melebihi **60% daripada jumlah emolumen bulanan** dan bersetuju supaya semua Pengarah Bahagian dan Pengarah KEMAS Negeri untuk **melaksanakan arahan kawalan dalaman** seperti berikut:

- 5.1 Ketua Jabatan/PTJ mengeluarkan surat edaran rasmi kepada semua institusi kewangan untuk membuat semakan dengan jabatan sebelum meluluskan pinjaman yang bertindih (*overlap*);
- 5.2 Ketua Jabatan/SMP memastikan kakitangan yang potongan gajinya melebihi 60% **wajibkan** hadir sesi kaunseling bersama **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**; dan
- 5.3 Kakitangan yang keterhutangan serius boleh di serapkan dalam **Program Pengurusan Kredit (PPK)** dengan bantuan menyusun semula hutang pada kadar rendah dan tempoh yang sesuai.

6. Ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan pegawai di bawah seliaanya mengambil langkah-langkah berikut:

- 6.1 Hanya ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa secara bertulis **dibenarkan untuk menandatangani** Borang Perakuan Pengesahan Permohonan Pinjaman Peribadi Pegawai kakitangan KEMAS atau mana-mana borang pinjaman. Penetapan pegawai yang boleh menandatangani borang berkenaan untuk pinjaman peribadi adalah seperti berikut:
 - i. Bagi permohonan oleh **kakitangan KEMAS Ibu Pejabat** adalah dengan kelulusan **Pengarah Bahagian Kewangan dan Perolehan**; dan
 - ii. Bagi permohonan oleh **kakitangan KEMAS Negeri** adalah dengan kelulusan **Pengarah KEMAS Negeri** masing-masing.

7. Arahan kawalan dalaman ini dikeluarkan untuk memastikan tiada sebarang pemotongan gaji yang melebihi 60% emolumen bulanan dilakukan terhadap mana-mana pegawai di bawah seliaan masing-masing. Oleh itu, pematuhan terhadap arahan ini adalah **WAJIB** bagi memastikan kebajikan pegawai terpelihara serta tadbir urus kewangan berada pada tahap optimum.

Ruj kami: KEMAS 100-1/5/1(15)

8. Arahan Pentadbiran ini adalah tertakluk kepada pindaan pekeliling dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.

9. Arahan Pentadbiran ini **berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.**

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datin/ YBrs. Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMA TUNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD HANAFIAH BIN MAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

s.k.: i. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
iii. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN KEMAS IBU PEJABAT

1. Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
2. Pengarah
Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
3. Pengarah
Bahagian Kewangan dan Perolehan
4. Pengarah
Bahagian Pembangunan
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak
6. Pengarah
Bahagian Pembangunan Komuniti
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Kemahiran
8. Pengarah
Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional
9. Ketua Unit Komunikasi Korporat
10. Ketua Unit Teknologi Maklumat
11. Ketua Unit Integriti

SENARAI EDARAN PEJABAT KEMAS NEGERI

1. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Bangunan Persekutuan Lama,
0100 Kangar
PERLIS
2. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Kedah
Tingkat 6, Wisma Persekutuan,
Jalan Kampung Baru
05000 Alor Setar
KEDAH
3. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Pulau Pinang
Aras 2, Anjung A
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,
Jalan Bertam
13200 Kepala Batas
PULAU PINANG
4. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Blok C, Tingkat 2-3,
Bangunan Persekutuan Gunasama
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
PERAK
5. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Selangor
Lot 03-04, Tingkat 3,Kompleks PKNS
Persiaran Tasik
40505 Shah Alam
SELANGOR
6. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Wilayah Persekutuan
Lot 48565, Jalan 2/12 Kampung Sri Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur
KUALA LUMPUR

7. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sembilan
Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban
NEGERI SEMBILAN
8. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Melaka
Tingkat 2, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh,
MELAKA
9. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Johor
Tingkat 6, Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek,
80100 Johor Bharu
JOHOR
10. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Pahang
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut
25000 Kuantan
PAHANG
11. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Terengganu
Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
TERENGGANU
12. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Kelantan
Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15510 Kota Bahru
KELANTAN

13. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sabah
Aras 5, Blok A, Jalan UMS
Kompleks Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah
Peti Surat No. 23
88800 Kota Kinabalu
SABAH
14. Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Negeri Sarawak
Tingkat 6 & 7, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93300 Kuching
SARAWAK